

Jual ayam pada tengkujuh

1/1/2017
metlo Ate

Musim tengkujuh akan membuatkan nelayan hilang punca pencarian berikutan tidak dapat ke laut seperti biasa berikutan gelombang besar di lautan.

Bagaimanapun, bagi seorang warga emas di Kampung Batu Rakit, musim tengkujuh tidak membimbangkannya kerana mempunyai ternakan ayam kampung yang boleh dijual sepanjang musim itu sekali gus dapat menampung perbelanjaannya.

Abdul Ghani Ambak, 64, berkata, dia menternak ayam kampung sejak 40 tahun lalu dan menjadikan penternakan itu sebagai sumber pendapatan sampingan.

"Setiap tahun saya akan



ABDUL Ghani memberi makan ayam kampung yang ditenaknya.

pastikan ayam yang dibela di rumah melebihi 100 ekor dan ia akan dijual apabila musim tengkujuh bermula pada awal Disember.

"Ayam kampung dijual kepada peraih mengikut harga pasaran semasa iaitu antara RM7 hingga RM8.50

sekilogram," katanya ketika ditemui, semalam.

Menurutnya, setiap kali musim tengkujuh, dia akan kehilangan sumber pendapatan kerana tidak dapat ke laut dan mengharapkan hasil jualan ayam sepanjang tempoh itu.